

>> Nurul Adhyka menempa nama dalam bidang penyelidikan saintifik Supermassive Black Holes

# LIMA SAINTIS TERHEBAT



DARI Kiri Dr Mohd Bakar, Dr Wan Wardana, Dr Nur Adhyka, Dr Maryam, Shahrin dan Pengarah Pusat Falsafah dan Bahan Nisab FST UKM, Prof Madya Dr Faizal Mohamed pada Forum Thematic Pascasiswazah Kejuruan Keperluan atau Keterpaksaan di UKM, Bangi

Menjadi seorang saintis bukan perkara mudah Nur Adhyka

## Penyelidik tanah air kongsi pengalaman kepakaran dalam bidang sains dan teknologi

**Bangi**  
"Saya juga pernah berputus asa untuk meneruskan bidang ini. Namun, saya perlu paksa diri untuk tamatkan pengajian sehingga ke peringkat doktor falsafah (PhD) walau sesusah mana pun,"  
Nur Adhyka Ainul Annuar.

Beliau adalah seorang daripada lima penyelidik dan saintis terkenal tanah air yang berkhidmat dalam pengalaman kerjaya sebagai saintis awal

dari peringkat pascasiswazah sehingga memulakan kerjaya sebagai penyelidik dalam Forum Khas Pusat Siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dunia Pasca-siswazah, Kejuruan, Keperluan atau Keterpaksaan dengan kerjasama Majalah Sains.Com di sini, semalam.  
Nurul Adhyka menempa nama dalam bidang penyelidikan saintifik mengenai penemuan Supermassive Black Holes (bahang hitam supermasif).  
"Menjadi seorang saintis

bukan perkara mudah. Malah, mereka perlu mempunyai jiwa yang tidak mudah mengalah dalam menyelesaikan sesuatu masalah," katanya ketika ditemui pada forum berkenaan di sini, semalam.  
Hadir sama, Penyelidik Kimia Universiti Teknologi Malaysia Dr Mohd Bakar Bakar. Penyelidik Imunologi Universiti Sains Malaysia dan Aktivistik MedTwitter My Dr Maryam Arlan, Penyelidik Bioteknologi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Di

Wan Wardana Amari Wan Salam dan Pengarah Bidang Astronomi Shahrin Ahmad yang masing-masing mempunyai kepakaran dalam bidang sains dan teknologi.  
Menurut Nurul Adhyka, mahasiswa masa kini perlu minat dan komited terhadap pengajian yang mereka pilih di peringkat universiti supaya tidak menyesal di kemudian hari.  
"Sebelum menyambung pengajian ke peringkat PhD, mahasiswa perlu melihat kepada keperluan pada ma-

sa hadapan.  
"Jika mempunyai minat untuk menjadi penyelidik, pengajian ke peringkat PhD digalakkan apabila setiap mata ke ia disambungkan kembali kepada negara," katanya yang juga penamat PhD dalam bidang Astronomi di Pusat Astronomi Ekstragalaktik, Jabatan Falsafah, Universiti Durham, United Kingdom.  
Sementara itu, Dr Wan Wardana Amari berkata, masyarakat perlu mengubah persepsi mengenai kerjaya penyelidik dan saintis yang dikira hanya duduk di dalam makmal saja.

"Mereka perlu tahu jika kerja dilakukan itu betul-betul senang. Malah, ia mungkin mahu tiga tahun hanya untuk menyelesaikan masalah dalam sesuatu bidang untuk bahalkan sains.  
"Bukan itu saja, kerja berkenaan ini di antara penyelidikan dan masyarakat yang penting dalam memajukan sesuatu makmal menggunakan cara baru supaya dapat menghasilkan minat masyarakat dalam bidang sains selaras dengan wawasan 2020," katanya.

### Kuala Lumpur

## Gubal undang-undang antidiskriminasi

Kerajaan perlu menggubal undang-undang antidiskriminasi dalam pekerjaan termasuk larangan bertuduh kepada pekerja wanita Muslim di hotel.  
Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MEM) Ahmad Yazid Othman berkata, undang-undang itu perlu di segerakan berikutan tuduh pelbagai diskriminasi terhadap pekerja di negara ini sama ada membabitkan agama atau kaum.  
Katanya, isu larangan

bertuduh kepada pekerja wanita Muslim di bahagian perkhidmatan pelanggan hotel seperti dilaporkan Majlis Rangkaian Kesatuan Pekerja Antarabangsa Malaysia (UNI Malaysia) baru-baru ini hanya sebagai satu kecil daripada diskriminasi yang berlaku.  
"Selepas berlarutan sekian lama, kami berjanji dengan ibu tani mesti ditangani dengan serius melalui perundangan undang-undang antidiskriminasi dalam pekerjaan se-

perti Undang-undang Antidiskriminasi dan Pekerjaan yang wujud di negara lain.  
"Tidak dapat tidak, pengakuan berterusan dan pendudukan mengenai hak pekerja juga mesti dilaksanakan bagi mengubahkan perubahan diskriminasi berhubung agama dan kaum ini," katanya dalam sidang media di Dewan Perhubungan Melayu Malaysia (DPMM) di sini, semalam.  
Beliau yang turut mewakili 13 pertubuhan

tidak kerajaan (NGO) lain antaranya Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Gerakan Pemuda Ummah (GUMAH) dan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) turut mendesak Presiden Persatuan Pengusaha Hotel Malaysia (PHAM) Cheah Siew

Hee melantik jawatan. Katanya, ia kerana Cheah tidak memahami bahawa prinsip berkeadilan dalam sektor perkhidmatan hotel tidak ada kena mengena dengan sebarang isu membabitkan undang-undang tidak dan nilai manufaktural diskriminasi berhubung agama

atau bangsa.  
"Jika semua kami masih tidak dibenarkan, kami salahkan orang-orang yang bertanggungjawab kepada Majlis Raja-Raja Melayu. Tapi ini jalan terakhir," katanya.  
Ahmad Yazid berkata, beberapa kes diskriminasi agama turut berlaku sebelum ini seperti pekerja lelaki Muslim dinafikan hak memajukan solar Jumaat pada 2015 dan kes guru tidak dibenarkan bertuduh ketika mengajar di sekolah buah-banang pada 2014.

